



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

MAJLIS PELUNCURAN

LAPORAN INTERIM

BANCI PERTANIAN 2024 WILAYAH PERSEKUTUAN

JUN 2025

BANCI PERTANIAN WILAYAH PERSEKUTUAN: BANCI PERTANIAN DEDAH DINAMIKA PERTANIAN BANDAR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

W.P. LABUAN, 28 JUN 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia Wilayah Persekutuan (DOSM) hari ini telah melancarkan **Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Wilayah Persekutuan**, yang menyediakan gambaran awal mengenai sektor pertanian secara menyeluruh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Majlis peluncuran ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa di **Dorsett Grand Labuan, W.P. Labuan** bersama kehadiran dari pelbagai agensi kerajaan, akademik, pengusaha pertanian serta media. Hadir bersama ke majlis ini adalah YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024.

Ketua Perangkawan Malaysia, **YBhg. Dato' Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin** memaklumkan bahawa "*Laporan ini bukan sekadar angka, tetapi cerminan kepada transformasi sektor pertanian di Wilayah Persekutuan yang kini semakin berorientasikan teknologi, lestari dan responsif terhadap keperluan makanan masa depan.*"

Banci yang telah dijalankan dari Julai 2024 ini meliputi semua aktiviti pertanian termasuk tanaman, ternakan, akuakultur, perikanan tangkapan dan perhutanan & pembalakan. Laporan interim ini memberi fokus kepada:

- Maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan
- Penemuan keseluruhan pengeluaran pertanian Wilayah Persekutuan
- Jadual parameter terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan berhasil, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan.

Antara dapatan utama laporan interim ini ialah:

- **W.P. Kuala Lumpur Catat Trend Baharu Pertanian Menegak (*Vertical Farming*) & Komuniti**

Konsep tanaman pertanian menegak menjadi satu aktiviti baharu yang penting di W.P. Kuala Lumpur memandangkan ruang tanah yang terhad bagi aktiviti tanaman, terutama bagi jenis tanaman sayur-sayuran seperti salad, kale dan *microgreen*. Pertanian bandar juga turut direkodkan berkembang secara berskala kecil di kawasan terhad seperti tanah utiliti, ruang dalam bangunan dan koridor lebuh raya, termasuk di kawasan bersebelahan Lebuhraya DUKE. Tanaman yang diusahakan melibatkan ubi kayu serta pelbagai jenis daun herba yang dipasarkan terus ke pasar raya tempatan dan rangkaian jualan komuniti. Pendekatan ini mencerminkan potensi sebenar pertanian *mikro-urban* dalam memanfaatkan ruang terbiar untuk pengeluaran makanan berskala kecil.

- **Perikanan Tangkapan kekal dominan sebagai penyumbang utama aktiviti pertanian di W.P. Labuan dengan hasil nilai jualan RM 266.23 juta.**

Subsektor perikanan (perikanan tangkapan) merupakan penyumbang utama dalam sektor pertanian di W.P. Labuan dengan merekodkan seramai 317 orang pengusaha terlibat secara aktif yang merangkumi 271 orang nelayan di Zon A, 40 orang nelayan Zon B, manakala sejumlah tujuh orang nelayan terlibat di Zon C dan Zon Tangkapan Darat. Dari segi pengeluaran, subsektor ini menghasilkan tangkapan dan kuantiti jualan sebanyak 20.01 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM266.23 juta. Statistik ini memberi gambaran jelas bahawa aktiviti perikanan ini penting dan mempunyai permintaan yang tinggi bagi memenuhi pasaran tempatan.

- **PROGRAM INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT - INISIATIF USAHAWAN TANI (IPR-INTAN) antara penyumbang terbesar bagi subsektor tanaman di W.P. Putrajaya.**

Subsektor tanaman merupakan aktiviti pertanian utama yang dijalankan dengan merekodkan 63 aktiviti pegangan pertanian. Berdasarkan jumlah tersebut, 56 aktiviti adalah dalam kalangan pegangan pertanian individu manakala tujuh aktiviti dalam kalangan pegangan pertanian pertubuhan di W.P. Putrajaya. Sayur-sayuran mencatatkan kuantiti pengeluaran teratas iaitu sebanyak 78.6 tan metrik manakala kuantiti jualan mencatatkan 72.7 tan metrik. Nilai jualan bagi sayur-sayuran adalah sebanyak RM853,528.07. Cili, terung dan sawi merupakan antara jenis sayur-sayuran yang mencatatkan bilangan pengusaha penanaman tertinggi. **Inisiatif Pendapatan Rakyat – Inisiatif Usahawan Tani (IPR-INTAN)** yang merupakan program di bawah Kementerian Ekonomi memfokuskan sepenuhnya kepada tanaman cili menggunakan kaedah fertigasi, dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 40,000 polibeg.

Hasil dapatan **Banci Pertanian 2024** menunjukkan bahawa sebanyak **2,324 orang, pegangan pertanian individu** direkodkan di **Wilayah Persekutuan** pada tahun rujukan 2023. Hampir keseluruhan pengusaha terdiri daripada **warganegara** dan **1,630** daripadanya adalah **lelaki**. Dari segi kumpulan umur, aktiviti pertanian di W.P Kuala Lumpur dan W.P. Labuan dipelopori oleh pengusaha berumur **60 tahun ke atas**, masing-masing sebanyak **52.2%** dan **43.9%** menunjukkan keperluan untuk meremajakan sektor ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, *"Banci ini penting bagi memahami landskap pertanian moden, termasuk pertanian bandar yang kian berkembang pesat. Data yang sahih akan membantu kerajaan dan pihak berkepentingan merangka strategi lebih efektif untuk kelestarian makanan negara."*

DOSM berharap laporan ini dapat digunakan oleh semua pihak berkepentingan dalam merancang strategi pembangunan pertanian khususnya pertanian bandar dan memastikan keterjaminan makanan yang mampan di Wilayah Persekutuan.

Di samping itu, sebagai langkah memperkasa ekosistem statistik pertanian yang inklusif dan mampan, Portal Sistem Statistik Pertanian Bersepadu atau dikenali sebagai **TaniStats** telah dilancarkan. Secara umumnya, pelbagai pihak berkepentingan akan menerima manfaat daripada inovasi pendataan ini yang

memuatkan paparan *TaniFacts*, *myFoodStats* dan *myAgrochain*. Dashboard Harga Produk Pertanian atau MyAgroPrice turut dimuatkan dalam portal ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.dosm.gov.my .

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN
28 JUN 2025



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Profil Pegangan Pertanian Individu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur


Kewarganegaraan



Jantina




Sijil Tertinggi Diperoleh



Tiada Maklumat :-

Kumpulan Umur



Kumpulan Etnik



Tiada Maklumat :-

Taraf Perkahwinan



Tiada Maklumat :-

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
120



Individu
64
(53.3%)



Pertubuhan
56
(46.7%)



*Nota:
Nilai kurang dari tiga



@StatsMalaysia





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Profil Pegangan Pertanian Individu Wilayah Persekutuan Labuan


Kewarganegaraan



Jantina




Sijil Tertinggi Diperoleh



Tiada Maklumat :-

Kumpulan Umur



Kumpulan Etnik



Tiada Maklumat :-

Taraf Perkahwinan



Tiada Maklumat :-

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
1,278



Individu
1,106
(86.5%)



Pertubuhan
172
(13.5%)



*Nota:
Nilai kurang dari tiga



@StatsMalaysia





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Profil Pegangan Pertanian Individu Wilayah Persekutuan Putrajaya

Kewarganegaraan



Jantina



Lelaki

120



Perempuan

46

Sijil Tertinggi Diperoleh



Tertiari

88



Menengah

65



Rendah

7



Tiada Sijil

6

Tiada Maklumat :-

Kumpulan Umur



Kumpulan Etnik



Bumiputera : 164



India: -



Cina : 2



Lain-lain : -

Tiada Maklumat :-

Taraf Perkahwinan



Tidak pernah
berkahwin

16



Balu/
Duda

4



Berkahwin

146



Bercera/
Berpisah

-

Tiada Maklumat :-

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
78



Individu
67
(85.9%)



Pertubuhan
11
(14.1%)



*Nota:
Nilai kurang dari tiga



@StatsMalaysia





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023

WILAYAH PERSEKUTUAN



KUALA LUMPUR

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT SUBSEKTOR

PEGANGAN PERTANIAN	66
KELUASAN BERTANAM (HA)	23.1
KELUASAN BERTUAI (HA)	22.3
KUANTITI PENGELUARAN (KG)	
KUANTITI PENGELUARAN (MT)	2,914.4
KUANTITI PENGELUARAN (BIJI)	
KUANTITI PENGELUARAN (EKOR)	
KUANTITI PENGELUARAN (LITER)	
NILAI JUALAN (RM)	3,220,309.91



TANAMAN



TERNAKAN



AKUAKULTUR



PERHUTANAN & PEMBALAKAN¹



PEGANGAN PERTANIAN MENGIKUT SUBSEKTOR

TANAMAN 633 orang

TERNAKAN 35 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN 64 orang

AKUAKULTUR 11 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN 303 orang

AKUAKULTUR 14 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN 20 orang

AKUAKULTUR 13 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN - orang

AKUAKULTUR 4 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Individu
Pertubuhan



LABUAN

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT SUBSEKTOR

PEGANGAN PERTANIAN	539
KELUASAN BERTANAM (HA)	317.2
KELUASAN BERTUAI (HA)	290.5
KUANTITI PENGELUARAN (KG)	
KUANTITI PENGELUARAN (MT)	2,403.9
KUANTITI PENGELUARAN (BIJI)	
KUANTITI PENGELUARAN (EKOR)	
KUANTITI PENGELUARAN (LITER)	
NILAI JUALAN (RM)	14,790,524.45



TANAMAN



TERNAKAN



PERIKANAN



AKUAKULTUR

PERHUTANAN & PEMBALAKAN 303 orang

AKUAKULTUR 14 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN 20 orang

AKUAKULTUR 13 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN - orang

AKUAKULTUR 4 pertubuhan

PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Individu
Pertubuhan



PUTRAJAYA

PARAMETER UTAMA PERTANIAN 2023 MENGIKUT SUBSEKTOR

PEGANGAN PERTANIAN	63
KELUASAN BERTANAM (HA)	12.2
KELUASAN BERTUAI (HA)	11.7
KUANTITI PENGELUARAN (KG)	
KUANTITI PENGELUARAN (MT)	174.0
KUANTITI PENGELUARAN (BIJI)	
KUANTITI PENGELUARAN (EKOR)	
KUANTITI PENGELUARAN (LITER)	
NILAI JUALAN (RM)	1,298,990.40



TANAMAN



TERNAKAN

Nota:
Pegangan Pertanian Mengikut Subsektor merujuk kepada individu dan pertubuhan yang menjalankan lebih daripada satu jenis aktiviti pertanian.

Nota¹

- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau / jaras / arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan / atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.



@StatsMalaysia



Portal Sistem Statistik Pertanian Bersepadu atau dikenali sebagai **TaniStats**

